



**NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA
IKMa/ZONUTARA/BIL.01/2022**

(1)

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKEJ
PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN DAN
MINUMAN BERMASAK BAGI PESERTA KURSUS DALAM
DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA
BAGI TEMPOH (1+1) TAHUN**

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/ZONUTARA/BIL.01/2022



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENCI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor / pembekal bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi menyertai sebut harga berikut:

NOMBOR SEBUTHARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH BUKA/TUTUP
IKMa/ZONUTARA/ BIL.01/2022	PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKEJ PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK BAGI PESERTA KURSUS DALAM DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI TEMPOH (1+1) TAHUN	KOD BIDANG BERDAFTAR DENGAN MOF: 040103 MAKANAN,MINUMAN DAN BAHAN MENTAH (Makanan,Minuman & Bahan Mentah Kering/Basah- Makanan Bermasak (Islam) KONTRAKTOR: BUMIPUTERA	BUKA SEBUTHARGA: 22 DISEMBER 2022 (KHAMIS) TUTUP SEBUTHARGA: 4 JANUARI 2023 (RABU)

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/ZONUTARA/BIL.01/2022

Borang sebutharga boleh dimuat turun melalui laman web www.ikma.edu.my mulai **22 DISEMBER 2022 (KHAMIS)** dengan mengemukakan.

DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG SEBUTHARGA.

1. Sijil Asal Pendaftaran Kod Bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) **040103**.
2. **Salinan Sijil Pengesahan Halal Makanan Dan Minuman Dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang masih dalam tempoh sah.**
3. Salinan Sijil Pendaftaran/Lesen Akuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih dalam tempoh sah.
4. Satu Salinan Profail Syarikat berserta pengalaman syarikat berkaitan perolehan tersebut dan SSM.
5. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi surat akuan pembida seperti (**Lampiran F**) dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
6. Salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir yang **dicop sebagai pengesahan** oleh pihak bank sahaja.

TARIKH TUTUP TAWARAN ADALAH PADA 4 JANUARI 2023 (RABU) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI

Dokumen Sebut Harga yang lengkap perlu dimasukkan ke dalam PETI SEBUTHARGA, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON UTARA, NO.1515, WISMA KGMKB, JALAN TUNKU IBRAHIM, 05000 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN. Sebarang pertanyaan dan temu janji sila hubungi ENCIK MUHAMMAD AKMAL ZULHELMI ISMAIL di talian 04-733 7527/7337630.

(2)

LAMPIRAN Q

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga **IKMa/ZONUTARA/BIL.01/2022**

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

No. Telefon:

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini (diisi oleh syarikat):

BERDAFTAR

MOF:040103.KONTRAKTOR:BUMIPUTERA

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
ZON UTARA**
No. 1515, Wisma KGMKB
Jalan Tunku Ibrahim
09000 Alor Setar, Kedah

No. telefon: **04-7337527/7337630**

Tarikh: **22 DISEMBER 2022 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki (diisi oleh syarikat)

1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/ZON UTARA/BIL.01/2022**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12 tengah hari **4 hb 1/2023 (RABU)**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **22 DISEMBER 2022 (KHAMIS)**

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

SHAMSURI BIN SALLEH
Pegawai Kewangan Dan Pentadbiran
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-7957 0434

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
IKMa/ZON UTARA/ BIL.01/2022	PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKEJ PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK BAGI PESERTA KURSUS DALAM DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI TEMPOH (1+1) TAHUN Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan (sila nyatakan tempoh) *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.				
				JUMLAH	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah
- (Sila nyatakan tempoh)

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
 Penyebut Harga:
 Nama dan K/P:
 Alamat Syarikat:

Tarikh:.....

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

SURAT AKUAN PEMBIDA

-LAMPIRAN F-



Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

**SURAT AKUAN PEMBIDA
PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKEJ PENYEDIAAN DAN
PENGHANTARAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK BAGI PESERTA KURSUS
DALAM DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI
TEMPOH (1+1) TAHUN
(IKMa/ZONUTARA/BIL.01/2022)**

Saya,.....nombor K.Pyang mewakili.....nomborPendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam.....atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUTHARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (MOF) /Perbendaharaan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan/Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan)		
3.	Sijil asal pendaftaran kod bidang berkenaan dari MOF 040103		
4.	Salinan Sijil Pengesahan Halal Makanan Dan Minuman Dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang masih dalam tempoh sah		
5.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
6.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
7.	Salinan Profail Syarikat		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
9.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

(5)

SPESIFIKASI

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON UTARA

PERKARA:

PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKEJ PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK BAGI PESERTA KURSUS DALAM DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI TEMPOH (1+1) TAHUN

**KOD BIDANG : 040103-MAKANAN, MINUMAN DAN BAHAN MENTAH
(Makanan, Minuman & Bahan Mentah Kering/Basah-Makanan Bermasak (Islam))**

1. SYARAT – SYARAT AM KONTRAK

- 1.1 Pembekal yang berjaya (jika ada) akan dimaklumkan melalui surat (disebut "Surat Setuju Terima Sebut Harga").
- 1.2 Semua butiran di dalam lampiran bersama borang sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan bersama borang sebut harga.
- 1.3 IKMa Zon Utara berhak menamatkan kontrak sekiranya pihak pembekal tidak mengikut syarat-syarat perjanjian.
- 1.4 Pembekal yang gagal menyediakan dan menghantar makanan seperti yang telah ditetapkan dalam spesifikasi atau hasil kerja yang tidak memuaskan dan memudaratkan kesihatan boleh menyebabkan kontrak ditamatkan. **Hasil kerja yang tidak memuaskan dan memudaratkan kesihatan adalah seperti yang berikut:**
 - i) Penyediaan sajian yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak perjanjian;
 - ii) Kuantiti sajian yang tidak mencukupi seperti yang dinyatakan dalam tempahan;
 - iii) Kelewatan penghantaran sajian mengikut waktu yang telah ditetapkan; dan
 - iv) Membekal makanan yang tidak berkualiti (sajian yang mentah, basi, tercemar dan rasa yang terlalu manis/masin).

- 1.5 Semua tenaga pekerja yang menguruskan kerja-kerja kontrak ini hendaklah **beragama Islam**.
- 1.6 Pihak pembekal bertanggungjawab **menjaga kebersihan makanan dan peralatan** seperti yang berikut:
- i) Memastikan pekerja mengamalkan kebersihan diri (berpakaian bersih dan penampilan yang kemas);
 - ii) Sentiasa membasuh tangan sebelum dan selepas mengendalikan sajian makanan;
 - iii) Memastikan peralatan yang digunakan untuk sajian makanan berada dalam keadaan baik, tidak basah, berbau, berdaki, sumbing atau retak dan sebagainya;
 - iv) Memastikan sajian yang disediakan adalah bersih, bertutup dan tanpa bendasing (lalat, ulat, rambut/bulu dan lain-lain); serta
 - v) Memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada peserta kursus demi menjaga imej IKMa.
- 1.7 Pembekal dikehendaki mengemukakan **semua butiran kos** seperti yang dikehendaki dalam dokumen sebut harga ini. Sekiranya terdapat butiran yang tertinggal dalam tawaran sebut harga ini, boleh menyebabkan tawaran sebut harganya tidak dipertimbangkan atau jika ia berjaya mendapat sebut harga ini, kontrak boleh ditamatkan. **Harga tawaran sebut harga yang dikemukakan adalah muktamad. Sebarang pindaan tidak akan dilayan.**

2. TEMPOH KONTRAK

- 2.1 Tempoh kontrak adalah untuk **(1+1) tahun**. Walau bagaimanapun, tempoh kontrak perkhidmatan ini adalah bergantung kepada mutu perkhidmatan dan kualiti makanan yang disediakan oleh pembekal.
- 2.2 IKMa Zon Utara berhak menamatkan perjanjian kontrak sebelum berakhir tempoh kontrak kepada pihak pembekal jika sekiranya prestasi tidak memuaskan.
- 2.3 Setelah perjanjian tamat, pihak pembekal perlu melalui proses sebut harga baru seperti yang ditetapkan.

3. ANGGARAN PENYEDIAAN MAKANAN

- i) Anggaran jumlah orang: Minimum 5 orang dan Maksimum 80 orang.
- ii) Anggaran kekerapan tempahan setahun: 25 kali.
- iii) Bilangan hari: 1 - 5 hari.

4. KAEDAH BAYARAN

Pembayaran akan dibuat melalui Pesanan Tempatan (LO) atau tunai dalam tempoh 14 hari selepas dokumen lengkap diterima

5. PEROLEHAN DAN PENYIMPANAN BAHAN MENTAH / KERING / MAKANAN DIPROSES

- 5.1 Pembekal bertanggungjawab bagi memastikan bekalan bahan mentah/kering/makanan diproses adalah dari sumber-sumber yang diiktiraf dan diakui HALAL dan TOYYIBAN.
- 5.2 Pembekal juga bertanggungjawab bagi memastikan semua bekalan bahan mentah berkualiti dan selamat digunakan.

6. SKOP PERKHIDMATAN

- 6.1 Perkhidmatan adalah meliputi penyediaan sajian kepada:
 - i. Peserta kursus;
 - ii. Kakitangan IKMa; dan
 - iii. Tetamu jemputan
- 6.2 Perkhidmatan adalah meliputi penyediaan sajian dalam bentuk:
 - i. Bufet
 - ii. Dome
 - iii. Hidang
- 6.3 Pembekal menyediakan seorang peramu saji mengikut permintaan IKMa Zon Utara.
- 6.4 Pembekal perlu memastikan ruang penyediaan sajian termasuk sinki sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- 6.5 Pembekal bertanggungjawab untuk memastikan ruang makan berada dalam keadaan bersih dan selamat sepanjang masa.

7. TEMPAHAN SAJIAN

- 7.1 Pihak IKMa Zon Utara akan membuat tempahan awal selewat-lewatnya 3 hari sebelum kursus bermula kepada pihak pembekal untuk penyediaan sajian
- 7.2 Sekiranya tempahan sajian perlu ditambah, pihak IKMa Zon Utara berhak membuat penambahan pesanan daripada tempahan awal selepas jam 9.00 pagi pada hari pertama kursus.
- 7.3 IKMa Zon Utara akan memaklumkan kepada pihak pembekal selewat-lewatnya 2 hari sebelum kursus bermula bagi membuat sebarang pembatalan tempahan.

8. WAKTU DAN MENU SAJIAN

- 8.1 Jadual waktu dan menu sajian adalah seperti yang berikut:

Sesi Masa	Minum Pagi	Makan Tengahari	Minum Petang
	10.30 -11.00 pagi	1.00 - 2.30 petang	4.30 - 5.00 petang
Jenis Menu	<ul style="list-style-type: none">• 1 Jenis Makanan Berat (Bihun/Mee/ Kuew Teow/Nasi Goreng atau Nasi lemak)• 2 jenis Kuih• 2 jenis Air Panas (Kopi/Teh O/Teh Susu)• 1 botol Air Minuman (Air putih) sekurang-kurangnya bersaiz 250 ml.	<ul style="list-style-type: none">• Nasi• 2 jenis Lauk Berdaging (Ikan/Ayam/Daging)• 1 jenis Lauk Sayur• 1 jenis Air Berperisa (Sejuk)• 1 botol Air Minuman (Air putih) sekurang-kurangnya bersaiz 250 ml.	<ul style="list-style-type: none">• 2 Jenis Kuih atau Bubur & Roti.• 2 jenis Air Panas (Kopi/Teh O/Teh Susu).

- 8.2 Sajian hendaklah sampai ke IKMa Zon Utara selewat-lewatnya 15 minit sebelum waktu makan.
- 8.3 Sekiranya terdapat permintaan daripada pihak IKMa Zon Utara bagi menghidangkan lebih awal/lewat, pihak pembekal hendaklah mematuhi permintaan tersebut.

8.4 Sekiranya terdapat permintaan daripada pihak IKMa Zon Utara bagi menghidangkan sajian *vegetarian*, pihak pembekal hendaklah mematuhi permintaan tersebut.

9. PERALATAN YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBEKAL

BIL.	JENIS PERALATAN
1.	Pinggan, mangkuk sup dan piring kuih (jenis kaca atau porselin sahaja).
2.	Sudu makan, garpu, sudu teh, senduk dan penyepit makanan (<i>jenis stainless steel</i>).
3.	Gelas, cawan dan piring (jenis kaca atau porselin sahaja).
4.	Tisu dan kain pengelap pinggan yang bersih.
5.	Set <i>tray</i> bufet berkaki.
6.	<i>Flask</i> nasi.
7.	Bekas (<i>Tray/Besin</i>) untuk meletak peralatan kotor.
8.	Tong sampah dan plastik sampah untuk membuang sisa makanan.
9.	Alas meja

10. SPESIFIKASI HARGA

i) Jumlah harga keseluruhan untuk sajian sehari:

SAJIAN	ANGGARAN HARGA SAJIAN PER PAX (RM)
Minum Pagi	
Makan Tengahari	
Minum Petang	
JUMLAH HARGA	